

Elemen Perubatan Kerohanian Dalam Kitab Tib Manuskrip MSS 1754

Farahdina Abd Manaf^a, Huzaimah Ismail^b, Mohd Solahuddin Shahrudin^c,
Siti Mashitoh Mahamood^d

^afdina061@salam.uitm.edu.my, ^bhuzaimah@salam.uitm.edu.my,
^cmsolahuddin@gmail.com, ^dmas68@um.edu.my

Kata kunci: Kitab Tib, kerohanian, manuskrip perubatan, perubatan Melayu,

Abstrak. Kertas ini membincangkan mengenai beberapa elemen kerohanian dalam perubatan berdasarkan Kitab Tib Manuskrip MSS 1754 . Manuskrip ini menjelaskan dalam masyarakat Melayu-Islam, pengamalan perubatan kerohanian adalah lebih kepada pencegahan dan rawatan penyakit serta sebagai pendinding diri daripada gangguan makhluk halus iaitu jin dan syaitan. Amalan kerohanian juga dikenali sebagai amalan spiritual dan menurut al-Ghazali adalah merujuk kepada empat elemen kerohanian manusia iaitu al-ruh, al-qalb, al-‘aql dan al-nafs. Ini menunjukkan aspek kerohanian adalah aspek ma’nawi yang sewajarnya dititikberatkan bagi menjamin kebergantungan hanya kepada Allah SWT dalam kehidupan di samping usaha yang berterusan. Kepetingan terapi kerohanian sangat besar kepada seseorang antaranya menguatkan semangat dan jiwa, mengurangkan ketakutan dan gangguan, dan keyakinan yang tinggi kepada Allah SWT. Amalan kerohanian seperti mendirikan solat, membaca al-Quran, zikir anantara bentuk amalan yang perlu diamalkan bagi individu Islam. Justeru, amalan ini boleh dijadikan sebagai amalan berterusan dalam kehidupan seterusnya berfungsi sebagai pendinding diri bagi mengelakkan kejahatan dan gangguan.

1.0 Pengenalan

Penemuan hasil-hasil penulisan berbentuk manuskrip yang tergolong sebagai ‘kitab tib’ memberikan sedikit maklumat yang menunjukkan ilmu dan amalan perubatan telah lama dikenali dan diamalkan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Ini berdasarkan usia manuskrip-manuskrip tersebut dan isi kandungan serta ciri-ciri tertentu dalam naskhah-naskhah berkenaan. Di Bali , Indonesia, ditemui kitab *usadha tuwa*, *usadha putih*, *usadha tuju*, dan *usadha seri* yang berisi berbagai maklumat mengenai jenis ubat-ubatan tradisional yang mempunyai pengaruh Hindhu-Buddha. Seterusnya peralihan dari zaman Hindu-Buddha ke zaman Islam, telah memperkaya khazanah tradisi pengubatan dalam masyarakat Melayu. Berbagai buku kedokteran Islam yang ditulis dalam bahasa Arab dan Parsi telah diterjemahkan ke bahasa Jawa dan juga bahasa Melayu. Semua ini berlangsung tanpa terputus sehinggalah bangsa Melayu mengenal ilmu perubatan dari Eropah di zaman penjajahan , dalam keadaan tidak menyedari bahawa ada di antara ilmu perubatan yang diterima itu adalah sebenarnya khazanah peninggalan umat Islam di Eropah. Manuskrip-manuskrip yang dikenali atau diberi judul “Kitab Tib” pada dasarnya merujuk kepada perubatan, tabib, penyakit dan ubat. Melalui kajian dan perbandingan, skop perbincangan dalam ilmu perubatan khususnya dalam *subgenre* Kitab Tib Melayu antaranya mengandungi:

- i. Pengenalan kepada ilmu tabib; syarat menjadi tabib; cara mengenal penyakit, penggunaan ilmu ramalan, Bintang Dua Belas, “saat” dan “ketika” dan sebagainya dalam mengenal atau mendiagnosis penyakit.
- ii. Petua-petua umum untuk kesihatan diri, misalnya menjaga makan dan minum, menjaga tidur, menjaga pergerakan diri, perlunya rehat dan riadah, memelihara wati, kebersihan diri, menjaga emosi dan lain-lain.
- iii. Penyakit berhubung dengan syaitan dan jin yang memerlukan rawatan melalui penggunaan doa, jampi dan mantera; misalnya tawar bisa, kerasukan syaitan, gangguan makhluk ghaib, sakit jiwa, gila dan sebagainya.
- iv. Penyakit biasa, terkena dan hidapan, termasuk kepialu, sakit perut, muntah atau berak darah, batuk, esak, resdung, penyakit kulit, sakit anggota tubuh, mata, telinga dan lain-lain. Rawatan untuk penyakit ini terdapat dalam pelbagai kaedah, ramuan ubat dan cara rawatan, tetapi umumnya menggunakan bahan, herba dan lain-lain jenis tumbuhan, selain doa, jampi dan tangkal azimat (Harun Mat Piah; 2017).

MSS 1754 merupakan salah satu Kitab Tibb dalam khazanah Manuskrip Melayu. Antara Manuskrip Tibb yang lain ialah MSS 300, MSS 747, MSS 758, MSS 1078, MSS 1292 , MSS 1653, MSS 2219 dan MSS 2515.

2.0 Elemen Kerohanian

Kerohanian berasal daripada perkataan rohani atau roh iaitu bahagian dalam manusia yang mempunyai daya berfikir, berperasaan dan berkemahuan, serta jiwa yang ada dalam tubuh manusia (Mohamed Asin 1996: 98). Kerohanian berasal daripada perkataan roh (روح) dalam Bahasa Arab yang merujuk kepada sesuatu yang dihembus oleh Allah S.W.T ke dalam badan manusia (Mohd Zain Mubarak 2015: 1). Kerohanian membawa maksud semangat intrinsik yang dipunyai oleh segala jirim di dunia. Kesucian rohani sangat diberi perhatian dalam Islam. Kesucian rohani membawa maksud keadaan mental yang logik dan mementingkan kebaikan manusia sejagat. Rohani setiap individu merupakan penentu moral sosial masyarakat dan penetapan undang-undang.Undang-undang penting dalam mengawal rohani manusia yang dijadikan

bercampur-baur antara emosi positif dan negatif dengan intuisi dan objektif bagi mencorakkan secara optimum manusia yang sempurna dari segi kelakuan dan personaliti. Sesuai dengan firman Allah dalam surah al-Ra’d ayat 28,

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ

Maksudnya: “(Iaitu) orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah. Ketahuilah dengan zikrullah itu, tenang tenteramlah hati manusia”.

Manusia dicipta oleh Allah SWT dengan mempunyai dua unsur yang utama. Selain jasad yang merupakan unsur zahir bagi manusia terdapat unsur lain yang lebih penting iaitu roh yang sebenarnya menjadi hakikat diri insan. Namun begitu terdapat juga beberapa istilah lain yang berkaitan dengan unsur roh ini seperti al-’aql, al-nafs, dan al-qalb yang sebenarnya menunjukkan kepada zat diri yang sama tetapi berbeza dari segi peringkat seseorang itu berada. Sebagaimana jasad yang perlu kepada penjagaan dan makanan agar menjadi sihat dan bertenaga, begitu jugalah roh ini memerlukan penjagaan dan rawatan agar sentiasa segar dan bersifat positif dalam menjalani kehidupan seharian.(Amirah Mad Radzi & Fariza Md Sham, 2015, h. 382)

3.0 Makhluk Halus Dan Elemen Perubatan

3.1 Menyebut tentang makhluk Halus. Manuskrip Kitab Tib MSS 1754 pada muka surat 66 telah menyebut tentang nama-nama syaitan seperti Arajik, Urim, Jibarum, Bukram dan banyak lagi. Keterangan seterusnya disebut mengenai tempat-tempat tinggal syaitan dan mantera yang menyebut akan perihwal asal kedatangan seperti berasal dari laut yang hitam, sungai luas, tasik bercabang dan berakhir dengan cara membunuh syaitan menggunakan besi dengan menyebut nama Allah SWT dan RasulullahNya.

Dalam Islam yang dimaksudkan dengan makhluk-makhluk halus ialah makhluk-makhluk yang dicipta oleh Allah SWT tanpa berjisim yang pada kebiasaannya tidak dapat dilihat oleh mata atau dirasa dengan tangan. Mereka hidup di alamnya atau alam ghaib. Makhluk-makhluk ini ada asal kejadiannya daripada cahaya, iaitu malaikat, yang sentiasa taat kepada perintah Allah, dan ada yang asal kejadiannya daripada api iaitu yang terdiri daripada jin, iblis, syaitan dan sebagainya.

Di dalam al-Quran, kalimah jin disebut sebanyak tiga puluh lapan kali(38), dengan merujuk kepada situasi yang berbeza, sama ada untuk menjelaskan tentang kejahatan golongan ini dan balasan yang akan ditimpakan ke atas mereka, atau kehebatan dan kekuatan yang dikurniakan Allah kepada mereka sepertimana dalam kisah Nabi Sulaiman. Kalimah al-Jan disebut sebanyak tujuh (7) kali iaitu dalam surah-surah al-Hijr: 27, al-Naml: 10, al-Qasas: 31 dan al-Rahman: 15, 39, 56, 74. Kalimah al-jin sebanyak dua puluh satu (21) kali, iaitu dalam surah-surah al-An’am: 100, 112, 128, al-A’raf: 38,179, al-Isra’: 88, al-Kahfi: 50, al-Naml:17, 39, Saba’: 12, 14, 41, Fussilat: 25, 29, al-Ahqaf: 18, 29, 56, al-Rahman: 33, al-Jin: 1, 5, 6. Manakala yang menggunakan sebutan Jinnah adalah sebanyak sepuluh kali (10), iaitu dalam surah-surah al-A’raf: 184, Hud: 119, al-Mukminun: 25, 70, al-Sajadah: 13, Saba’:8, 46, al-Saffat: 158 (2 kali) dan al-Nas: 6.(Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, AyAt-AyAt Al-Quran Sebagai terapi Kerasukan Jin: Analisis dari Ayat-ayat Ruqyah Syar’iyyah, Vol 1 No 1 (2011): International Journal on Quranic Research, UM), ms 110-113)

Jin, iblis dan syaitan merupakan kelompok yang satu. Cuma, iblis dan syaitan merujuk kepada jin yang derhaka kepada Allah dan memusuhi manusia sejak zaman berzaman, sebagaimana yang disebutkan dalam Surah al-Kahfi: 50. Permusuhan di antara manusia dan jin bermula semenjak Allah s.w.t menciptakan Nabi Adam a.s. Ia dinyatakan di dalam beberapa ayat al-Quran. Sifat sebenar iblis yang merupakan salah satu dari spesies jin terserlah apabila Allah s.w.t memerintahkannya dan para malaikat supaya bersujud kepada Nabi Adam a.s sepertimana yang disebut dalam Surah al-Baqarah, ayat 34-39. Iblis laknatullah dengan lantang memprotes perintah tersebut atas alasan merasakan dirinya terlalu mulia lantaran diciptakan dari api, lantas tidak layak untuk bersujud kepada Adam yang hanya dijadikan dari tanah menurutnya.

Tidak cukup dengan protes itu, iblis juga telah mengeluarkan kata-kata seolah-olah ugutan kepada Allah s.w.t yang menampakkan dendam kesumat. Ayat 39 dari Surah al-Hijr menjelaskan hal ini, iaitu “Aku pasti menampakkan kepada mereka semua yang buruk itu baik dan aku juga pasti memperdayakan mereka(manusia) semua. Dalam Surah al-Isra’, ayat 62 jelas menampakkan keangkuhan iblis: “Ia berkata lagi: Khabarkan kepadaku, inikah orangnya yang Engkau muliakan mengatasiku? Jika Engkau beri tempoh kepadaku hingga hari kiamat, tentulah aku akan memancing dan menyesatkan zuriat keturunannya, kecuali sedikit Rentetan dari peristiwa ini, Allah SWT dengan panjang lebar memberi peringatan kepada manusia tentang iblis dan syaitan kerana fitnahnya yang terlalu hebat, kelicikan dan usaha berterusannya untuk menyesatkan manusia. Dalam Surah al-A’raf, ayat 27 Allah s.w.t mengingatkan:Maksudnya: Hai anak Adam, janganlah sekali-kali kamu dapat ditipu oleh syaitan sebagaimana ia telah mengeluarkan kedua ibu bapamu dari surga, ia menanggalkan dari keduanya pakaiannya untuk memperlihatkan kepada keduanya ‘auratnya. Sesungguhnya ia dan pengikut-pengikutnya melihat kamu dan suatu tempat yang kamu tidak

bisa melihat mereka. Sesungguhnya kami Telah menjadikan syaitan-syaitan itu pemimpin-pemimpim bagi orang-orang yang tidak beriman.Firman Allah SWT;

إِنَّ الشَّيْطَانَ لَكُمْ عَدُوٌّ فَاتَّخِذُوهُ عَدُوًّا إِنَّمَا يَدْعُوا حِزْبَهُ لِيَكُونُوا مِنْ أَصْحَابِ السَّعِيرِ

Maksudnya: Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh bagimu, Maka anggaplah ia musuh(mu), Karena Sesungguhnya syaitan-syaitan itu hanya mengajak golongannya supaya mereka menjadi penghuni neraka yang menyala-nyala.

(Fatir: 60)

Di antara hikmat diciptakan makhluk-makhluk halus ialah:

- i. Untuk memperkuat iman seseorang kepada Allah SWT, menyakinkan tentang kebesaran dan keagungan Ilahi. Di samping kejadian manusia yang dapat dilihat dengan mata kasar, Allah SWT. berkuasa mencipta makhluk-makhluk halus yang asal kejadiannya serta hakikat hidupnya begitu berbeza dengan manusia. Semua ini merupakan tanda-tanda keagungan Allah SWT
- ii. Agar manusia sentiasa berwaspada terhadap musuh-musuh yang tidak nampak, yang sentiasa berazam dan berusaha untuk menyesatkan manusia.
- iii. Untuk menguji iman manusia, setakat mana manusia dapat menggunakan akal fikiran dan anggota tubuh badan dengan bijaksana dan tidak terpesona dengan tipu helah pujukan syaitan.
- iv. Hanya dengan adanya dugaan, kekuatan iman seseorang itu akan diketahui.
- v. Di samping kewujudan makhluk-makhluk halus yang jahat, seseorang yang beriman akan terus merasa yakin tentang adanya pertolongan Allah. Allah SWT mengadakan para malaikat yang sentiasa meminta rahmat dari Allah SWT. untuk manusia.

Al-Quran juga menerangkan tentang gangguan jin terhadap manusia tanpa berputus asa sebagaimana firman Allah SWT;

وَأَمَّا يَنْزَغَنَّكَ مِنَ الشَّيْطَانِ نَزْغٌ فَاسْتَعِذْ بِاللَّهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

Maksudnya: Dan jika setan mengganggumu dengan suatu gangguan, maka mohonlah perlindungan kepada Allah. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

(Fushshilat: 36).

Sabda Rasulullah SAW;

إِنَّ الشَّيْطَانَ يَجْرِي مِنْ ابْنِ آدَمَ مَجْرَى الدَّمِ

“Sesungguhnya syaitan berjalan di dalam diri anak Adam melalui aliran darah.”

3.2 Kaedah Perubatan Kerohanian Menghindari Syaitan

- 3.2.1 Menyebut kalimah LailahaillaLLah dan Bismillahirrahmanirrahim. Dalam manuskrip ini dijelaskan teknik menyerang dan menghancurkan syaitan dengan melalui kanan dan kiri, depan dan belakang disertai dengan menyebut kalimah *LailahaillaLLah* yang dapat dilihat dalam pernyataan berikut;.

Teknik menyerang syaitan melalui kiri dan kanan, hadapan dan kebelakang dengan menyebut kalimah *lailahaillallah*.

Penulis menyebut asal kedatangan iblis:

...”Jikalau iblis datang dari matahari dan bulan sekalipun, iblis perlu ditentang. Begitu juga walaupun iblis dari dari pelbagai arah seperti kayu yang buruk, gunung yang tinggi, tebing yang curam, bukit dan berperangai seperti kaum jin dan banyaknya seperti memenuhi matahari maka dengan berkat mukjizat Nabi Sulaiman dan kalimah *lailahaillallah* maka jatuhlah darah kamu kepada Allah Taala...”(hal.

Penulis juga memberi amaran kepada iblis dengan berkata:

... “ demi Allah demi Rasulullah keluarlah dari umat Muhammad, segeralah engkau keluar sama ada sifat, ruh dan rumah. Jikalau mu tidak dikeluarkan, darahkamu ku hadap kepada Allah dengan berkat lailahaillallah”... (hal. 72).

Selepas itu penulis melafazkan :

...”demi Allah demi Rasulullah untuk menentang iblis seperti aku memanah besi yang panas dengan berbaju besi, makrifat nama panah ku panah, aku panah tujuh petala langit dan tujuh petala bumi sehngga aku panah di depan aku panah, di tasek kering aku panah, di rumah mu aku panah...”(hal. 72)

Bacaan mantera diteruskan dengan melarang iblis dari datang ke mari, pulanglah ke tempat asal. Seperti mana penulis menyebut jikalau iblis datang dari gua yang besar kembalilah ketempatnya, jikalau iblis datang dari hujan yang panas kembalilah, jikalau datang dari kepala ribut kembalilah, jikalau datang dari orang yag keramat kembalilah, jikalau engkau datang dari taufan kembalilah, jikalau engkau datang dari belukar kembalilah, jikalau iblis datang daripada gunung, bukit, gua, kembalilah ketempat asal mu. Diakhir rangkap, penulis menyebut jikalau iblis tidak kembali ia akan mati seperti melintang gunung seperti mati melintang jarak seperti melintang jalan putus rezeki sepanjang hidup yang sentiasa usar air setitik tidak bertemu.

Penulis juga menyebut:

...” *bismillaahirrahmanirrahim* apabila sihir datang, aku rajung ke kiri dan kanan, aku lah anak raja batu ros seperti berseri besi nama senjataku harimau bleang kenaikan aku gajah putih akan kena kena aku, kelaurlah dia iblis hantu raya aku tahu kan asal usul mu, namau mu ku tahu kan tempat mu,aku tahu kan istanamu daripada uri sembunyi ketuban ibu, tempat mu daripada cahaya yang gelap...” (hal. 76)

Sambung penulis:

...”jika jin itu berhenti di puser air manusia, maka aku akan hancurkan dengan tanah yang kilat kerana cahaya yang kelam itu sudah kulipat dan hancur seperti minyak kerana kau tadah dengan cahaya baginda Rasulullah terangi dari bumi hingga ke langit lalu kebumi. Sambung penulis lagi, pedih lah engkau dengan kemirnya, kembalilah engkau jin dan peri dewa mambang, penoh engkau kepada bumi, baki ibumu, baki nenekmu, jangan egkau berbalik kemari.” Penulis mengakhiri dengan bacaan *wala ya udu hu hif zuhuma*..(hal. 78)

Penjelasan mengenai membaca *Bismillahirrahmanirrahim* dan *Lailahaillallah* merupakan jalan untuk berlandung dan menyelamatkan seseorang daripada gangguan syaitan. (al-Sabuni: 281) Inilah perintah Allah SWT sebagaimana firmanNya;

وَقُلْ لِّعِبَادِي يَقُولُوا الَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ الشَّيْطَانَ يَنْزِعُ بَيْنَهُمْ إِنَّ الشَّيْطَانَ كَانَ لِلْإِنْسَنِ عَدُوًّا مُّبِينًا

Maksudnya: Dan katakanlah kepada hamha-hamba-Ku: «Hendaklah mereka mengucapkan perkataan yang lebih baik (benar). Sesungguhnya syaitan itu menimbulkan perselisihan di antara mereka. Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagi manusia, (al-Isra’:53)

Dan firman Allah SWT;

إِنَّهُ لَيَبْسُ لَهُو سُلْطٰنٌ عَلَى الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٥٩﴾ إِنَّمَا سُلْطٰنُهُ عَلَى الَّذِينَ يَتَوَلَّوْنَهُ وَالَّذِينَ هُمْ بِهِ مُشْرِكُونَ

Maksudnya: Sesungguhnya syaitan itu tidak ada kekuasaannya atas orang-orang yang beriman dan bertawakkal kepada Tuhannya.Sesungguhnya kekuasaannya (syaitan) hanyalah atas orang-orang yang mengambilnya jadi pemimpin dan atas orang-orang yang mempersekutukannya dengan Allah.

(al-Nahl: 99-100)

Para ulama sepakat bahwa *basmalah* adalah dari ayat al-Qur’an sebagaimana firman Allah SWT,

إِنَّهُ مِنْ سُلَيْمَانَ وَإِنَّهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Maksudnya: “Sesungguhnya surat itu, dari Sulaiman dan sesungguhnya (isi)nya: “Dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.” (An-Naml: 30)

Setiap pekerjaan yang baik, sunat dimulai dengan membaca basmallah. Ini didasarkan pada sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah yang bermaksud: «Setiap perbuatan baik yang tidak dimulai dengan basmalah adalah kurang berkat.»

Dalam sebuah hadis qudsi, Allah SWT berfirman yang bermaksud: Apabila hamba-Ku memulai pekerjaannya dengan menyebut nama-Ku, maka menjadi kewajiban-Ku untuk menyempurnakan seluruh pekerjaannya serta Ku-berkati seluruh keadaannya.» (Rahsia di sebalik huruf basmallah 27/08/2013 dalam Utusan Malaysia , Bicara Agama)

Dari Abul Malih, dari seseorang, dia berkata: “Aku pernah diboncengi oleh Rasulullah SAW, lalu tunggangan yang kami naiki tergelincir. Lalu aku pun mengatakan, “Celakalah syaitan”. Tetapi Nabi SAW melarang. “Janganlah kamu ucapkan ‘celakalah syaitan’, karena jika kamu mengucapkan demikian, syaitan akan semakin besar seperti rumah. Lalu syaitan pun dengan sombongnya mengatakan, ‘Itu semua terjadi karena kekuatanku’. Akan tetapi, ucapkanlah “Bismillah”. Jika engkau mengatakan seperti ini, syaitan akan semakin kecil sampai-sampai dia akan seperti lalat.” (Riwayat. Ahmad dan Abu Daud)

Ini menunjukkan faedah membaca basmalah ialah tabarruk dengan nama Allah, membesarkannya, menghalau syaitan, menzahirkan kelainan daripada musyrikin yang menyebut dengan berhala masing-masing, keamanan bagi orang takut, ikrar ketuhanan, iktiraf nikmat dan pertolongan kepada Allah.Dalam melayari kehidupan, amat perlu digantung harap kepada Allah dalam segala urusan, apatah lagi yang penting dan besar.(Dr Zulkifli al-Bakri. Dalam Utusan Melayu 24/11/2004)

3.2.2 Membaca *LailahaillaLLah* dan *Bismillahirrahmanirrahim* dan *surah al-Ikhl*as

Berdasarkan manuskrip ini juga perawat akan membaca surah al-Ikhl

Penulis mulai degan menyebut kalimah *lailahaillallah*. Penulis menyambung amaran kepada syaitan dengan membaca *bismillahirrahmanirrahim lailahaillallah*, diri syaitan akan dipenjarakan dibutakan sekiranya menyiksa badan anak cucu adam. Di hujung karya, penulis menyebut badan syaitan boleh hancur dan segala syaitan akan marah sama ada di kiri, kanan, atas, bawah, dihadapan dan belakang dengan membaca *qulhuallah*.... (surah al-ikhlas). Penulis mengulas kalimah ‘*somad*’, maka hancurlah segala tujuh petala bumi, nafsu, tujuh petala langit dan ia (*somad*) bukannya kata-kata darinya tetapi dari Allah Taala.

Ini dapat membuktikan salah satu fungsi keistimewaan al-Quran yang dinyatakan oleh Allah SWT dalam surah al-Isra’: 82

وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْءَانِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا

Maksudnya: Dan kami turunkan al-Quran sebagai suatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman dan al-Quran itu tidaklah menambahkan kepada orang-orang yang zalim selain kerugian”

Sabda Rasulullah SAW:

"وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ إِنَّهَا لَتَعْدِلُ ثُلُثَ الْقُرْآنِ"

Maksudnya: Demi jiwaku yang berada di dalam kekuasaan-Nya, sesungguhnya surah al-Ikhl

(Riwayat al-Bukhari)

Sabda Rasulullah SAW:

إِنَّ اللَّهَ جَزَأَ الْقُرْآنَ ثَلَاثَةً أَجْزَاءٍ، فَجَعَلَ قُلَّ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ، جُزْءًا مِّنَ الْقُرْآنِ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah membahagikan al-Quran kepada tiga bahagian. Maka Dia menjadikan surah al-Ikhlas satu bahagian daripada al-Quran”.

(Riwayat Muslim)

Ulama’ Salaf dan Khalaf menjelaskan *al-Somad* seperti berikut:

اللَّهُ خَلَقَ الْإِنْسَانَ لَا يَحْتَاجُ لِلْإِنْسَانِ

اللَّهُ خَلَقَ الْجِنَّ لَا يَحْتَاجُ إِلَى الْجِنِّ

اللَّهُ خَلَقَ الْمَلَائِكَةَ لَا يَحْتَاجُ إِلَى الْمَلَائِكَةِ

اللَّهُ خَلَقَ السَّمَاءَ لَا يَحْتَاجُ إِلَى السَّمَاءِ

اللَّهُ خَلَقَ الْعَرْشَ لَا يَحْتَاجُ إِلَى الْعَرْشِ

اللَّهُ خَلَقَ الْكُرْسِيَّ لَا يَحْتَاجُ إِلَى الْكُرْسِيِّ

اللَّهُ خَلَقَ الْمَكَانَ لَا يَحْتَاجُ إِلَى الْمَكَانِ

Allah yang menciptakan Manusia tetapi Allah tidak berhajat kepada Manusia.

Allah yang menciptakan Jin tetapi Allah tidak berhajat kepada kepada Jin.

Allah yang menciptakan Malaikat tetapi Allah tidak berhajat kepada Malaikat. Allah yang menciptakan Langit tetapi Allah tidak berhajat kepada Langit.

Allah yang menciptakan `Arasy tetapi Allah tidak berhajat kepada `Arasy.

Allah yang menciptakan Kursi tetapi Allah tidak berhajat kepada Kursi.

Allah yang menciptakan Tempat tetapi Allah tidak berhajat kepada Tempat.

Sabda Rasulullah SAW:

من قال: لا إله إلا الله، وحده لا شريك له، له الملك وله الحمد، وهو على شيء قدير. في يوم مائة مرة، كانت له عدل عشر رقاب، وكتبت له مائة حسنة، ومحيت عنه مائة شىء، وكانت له حرزا من الشيطان يومه ذلك حتى يمسي، ولم يأت أحد بأفضل مما جاء به، إلا أحد عمل أكثر من ذلك

Maksudnya: Barangsiapa mengucapkan “Tiada Tuhan melainkan Allah Yang Esa, tiada sekutu bagiNya, bagiNya segala kerajaan dan bagiNya kepujian, yang menghidupkan dan yang mematikan, dan Dia Maha Berkuasa atas segala sesuatu” sebanyak seratus kali sehari, akan memperoleh ganjaran seperti membebaskan sepuluh hamba, satu ratus hasanah (kebaikan) akan dicatatkan untuknya dan satu ratus sa’iyah (keburukan) akan dipadamkan daripada catatannya, dan ianya akan menjadi pelindung baginya daripada syaitan untuk hari tersebut sehingga petang. Tidak ada seorang pun yang akan lebih baik darinya melainkan orang yang melakukan melebihi dari apa yang dia lakukan.

(Riwayat at-Tirmizi)

4.0 Kepentingan Perubatan Kerohanian

Perubatan kerohanian penting kerana mampu menghalang unsur-unsur negatif daripada menceroboh tubuh zahir dan batin.Amalan-amalan kerohanian dan ibadah adalah antara perkara utama yang boleh diamalkan untuk menguatkan semangat dan jiwa. Ini disebabkan laluan jin dan syaitan untuk mengganggu manusia terbuka apabila seseorang mangsa terkena rasukan pada kali pertama dan ia akan meninggalkan lorong untuk memudahkan mereka kembali semula kepada badan manusia. Amalan-amalan yang dilakukan mampu menguatkan jiwa dan roh serta mengembalikan semangat yang hilang daripada tubuh badan manusia. Kehilangan semangat mungkin berlaku akibat seseorang itu mengalami tekanan emosi yang bersangatan atau mengalami sesuatu keadaan yang mengejutkan sehingga timbul tekanan pada diri. Justeru,

kehilangan semangat boleh menyebabkan seseorang mudah terkena rasukan dan histeria. Makhluk-makhluk ini mungkin akan terus cuba mengganggu tetapi gangguan itu akan terus berkurangan jika roh dan jiwa seseorang itu kuat melalui zikrullah dan bacaan al-Quran.

Zikir juga dapat memberikan ketenangan jiwa dan berlaku penurunan frekuensi denyutan jantung selepas berzikir. Oleh itu zikir mempunyai pengaruh yang signifikan kepada ketenangan jiwa seseorang. Manakala kaedah lain seperti membaca al-Quran dan ayat-ayat pendinding diri bagi mengelakkan histeria berulang, adalah juga selari dengan ajaran Islam. Ini kerana meyakini ayat-ayat suci al-Quran bagi mengatasi kuasa makhluk termasuk dalam rukun iman. Menurut al-Masayyar (2007) apabila seseorang membaca al-Quran maka hatinya akan menjadi lapang, menimbulkan rasa takut kepada Pencipta dan menguatkan jiwa. Orang Islam yang membaca al-Quran di dalam rumahnya maka akan turun malaikat dan menyebabkan tidak wujud syaitan. Malahan, tidak ada sesuatu yang dapat melembutkan hati dan menyembuhkan jiwa dan dukacita kecuali dengan membaca al-Quran, memahaminya serta mengambil pelajaran daripadanya.

Hujah ini disokong oleh Ustaz Wan Hilmi Wan Abdullah (2015) yang berpendapat bahawa kehidupan ini memerlukan kekuatan semangat yang kukuh. Hal ini kerana, pelbagai cabaran dan dugaan dalam mengharungi kehidupan di alam modenisasi ini menyebabkan timbulnya pelbagai tekanan yang mengganggu jiwa individu. Beliau berpendapat, “Zaman sekarang zaman yang perlukan kesabaran dan kekuatan. Macam- macam dugaan timbul. Jadi, perlunya amalan-amalan kerohanian sebagai pemberi semangat pada seseorang. Pelaksanaan secara berterusan dan bersungguh-sungguh penting kerana dapat pulihkan kesakitan yang dialami oleh seseorang.Kesan yang positif dapat dilihat kerana ibadah yang dilakukan dengan penuh penghayatan akan memperoleh ketenangan jiwa dan kesucian hati diperlukan bagi merawat gangguan jiwa dan tekanan histeria.

Rawatan kerohanian juga dapat mengelakkan timbulnya rasa ketakutan yang melampau. Ini kerana apabila timbulnya ketakutan yang melampau menyebabkan mangsa tidak mampu mengawal diri seterusnya mangsa akan terkena gangguan. Melaui pembacaan ayat-ayat al-Quran pesakit akan yakin dengan kekuasaan Allah SWT dan meminta pertolongan hanya kepadaNya bukan kepada perkara-perkara yang membawa kepada syirik. (Fariza MdSham et al. 2015: 196).

Seterusnya dapat menguatkan potensi akal seseorang. Imam al-Ghazali menyatakan;

“Akal adalah kekuatan pemikiran semula jadi yang dikurniakan Allah SWT kepada manusia supaya dengannya manusia dapat mengenali hakikat sesuatu perkara. Akal adalah tempat lahir dan tertegaknya ilmu. Ilmu tumbuh dari akal sebagaimana terbitnya buah-buahan dari pohon dan terpancarnya cahaya dari matahari. Akal amat mulia sehinggakan haiwan yang bertubuh besar lagi perkasa berasa bimbang dan takut semasa berdepan dengan manusia kerana menyedari manusia mempunyai helah dan upaya bagi melakukan sesuatu hasil dari kekuatan akal”.(Dr Danial Zainal Abidin,2004, h.105)

Kesimpulan

Dapat disimpulkan daripada kandungan MSS 1754 ini bahawa elemen perubatan kerohanian dalam masyarakat Melayu adalah berkaitan dengan jiwa dan hasutan jin dan syaitan. Kaedah rawatan yang dikemukakan adalah merupakan jampi serapah, di mana terdapat juga diselitkan ayat-ayat al – Quran dalam jampi-jampi berkenaan. Di samping itu nama-nama Malaikat serta nama Rasulullah SAW , para Rasul yang lain dan nama para sahabat Khulafa’ al Rasyidin turut disebut. Ini menunjukkan bahawa telah ada pengaruh ajaran Islam dalam manuskrip MSS 1754 ini.

Rujukan

Al-Quran Pimpinan al-Rahman , Kuala Lumpur : Jabatan Perdana Menteri

Al-Nasai,Sunan al-Nasai, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Muslim (t.t), Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi, Misr : Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi

Katalog Manuskrip Melayu (2011), Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, tambahan keenam 2011. Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia dan Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan.

Kitab Manuskrip Melayu MSS 1754.

Mohd. Affendi Mohd Shafri & Intan Azura Shahdan (2017), Malay Medical Manuscripts: Heritage From The Garden of Healing, Kuala Lumpur : The Islamic Manuscript Association.

Harun Mat Piah (2006), Kitab Tib –Ilmu Prubatan Melayu, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

Harun Mat Piah (2017), Kitab Tib Muzium Terengganu- Edisi dan Huraian Teks, Selangor : Institut Penyelidikan Perubatan Malaysia.

Sharifah Norshah Bani Syed Bidin (2011), Ayat-Ayat Al-Quran Sebagai Terapi Kerasukan Jin: Analisis dari Ayat-ayat Ruqyah Syar`iyyah, Vol 1 No 1 (2011): International Journal on Quranic Research, UM), ms 110-113)

Al_Sabuni, Abu Uthman Ismail bin Abd Rahman 2014, Terj. Abid bin Muhammad Noor, Aqidah Yang Membawa ke Syurga, Selangor : Karya Bestari.

Amirah Mad Radzi & Fariza Md Sham (2015), Kepentingan Amalan Kerohanian sebagai Pencegahan Awal Menangani Histeria dalam Kalangan Remaja, Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI) 2015, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, ISBN 978-983-9368-69-7 (2015),

Salasiah Hanin Hamjah, Fariza Md. Shama, Siti Norlina Muhamad, A'dawiyah Ismail, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Rozmi Ismail, Intan Farhana Saparudin (2014), Pendekatan Spiritual dalam Menangani Histeria, Jurnal Sains Humanika.UTM.

Farahdina Abd Manaf, Norsiah Sulaiman, Huzaimah Ismail (2013), Perubatan Tradisional Melayu : Khazanah Yang Perlu Dipelihara , kertaskerja dibentangkan di Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tempatan 2013, di Universitas Islam Negeri (UIN) Ar-Raniry Banda Aceh .

Danial Zainal Abidin (2004), 7 Formula Individu Cemerlang, Kuala Lumpur : PTS Publication.

Rahsia di sebalik huruf basmallah 27/08/2013 dalam Utusan Malaysia , Bicara Agama

Basmalah - Dibaca dalam beberapa keadaan 24/11/2004 dalam Utusan Malaysia, Bicara Agama.